to make friends with them. As I said yesterday, it would be a matter for Red China now to show that she follows this policy of peaceful co-existence and that she does not wish to interfere with the internal affairs of other countries, particularly small countries in South-East Asia. If she can show to us that, then quite obviously we on our part will reciprocate because we want to be friends with everybody so long as our independence and our integrity are not jeopardised and that our internal affairs are not interfered with. This has been our policy, Sir, and as I said, there is no need for us to reorientate our policy because we have been very consistent in that policy.

The Honourable Member for Batu also said that in his view—I do not know from where he obtained this view—the Philippines is in no position to attack us. Well, we cannot take any risk, Sir. I do not say that the Philippines intends to attack us, but there is this tension between us and the Philippines, and we do not know how far the Philippines will pursue their claim to Sabah. But, as I said yesterday, we must be prepared for the worse and we must be prepared for all eventualities and we must be prepared to defend our country, in particular Sabah. As a responsible Government, Sir, we have to take all these measures because, as I said, we value our freedom and we value our independence.

Sir, a number of Honourable Members spoke about the purchase of aircraft, military equipment and military hardware; and they all advocated that we should not buy from one country or a few countries but from all countries that can sell us suitable equipment and hardware. I should like to assure this House that it has been the policy of this Government to buy military equipment, aircraft, ships, ammunitions or such things, from countries which offer the best and the cheapest offer. Sometimes, no doubt in the past, we did buy most of our things from Britain, Australia, New Zealand and Canada and other Commonwealth countries because they gave us assistance. In most of these cases, we did not even

have to pay. But if we have to pay ourselves, then quite naturally we will buy the best and the cheapest weapons. That is why we are now negotiating with France to buy these *Mirage* aircraft, and we will examine the equipment from the other countries too. In fact, any country is open to offer us whatever military equipment they have provided their terms are generous and acceptable to us. Sir, that has always been our policy, and we are not buying second-hand or outdated equipment. It is true that now the British are leaving us and they are offering us some of their equipment. But if they are cheap and they are useful to us and we can make use of them and it is worth the money, then we will certainly buy some of these equipments. But it is understood that the British will be leaving us their bases and other auxiliaries free of charge and we will certainly take advantage of this offer, because we need all these facilities for our own Forces.

Tuan Pengerusi, ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah memberi pandangan di atas perkara² yang berkaitan dengan Kementerian ini, terutama sa-kali Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak yang mengatakan mustahak kita membeli barang² yang mempunyai mutu yang tinggi dan yang sesuai dengan kehendak kita. Saya telah terangkan bahawa kita beli barang yang difikirkan baik, selalu-nya kita beli barang melalui international tender, hanya-lah kalau sa-buah negara itu bersetuju hendak beri bantuan kepada kita; kita terima. Kita tidak-lah membeli out-dated atau pun second-hand, kadang² kita beli juga kalau di-fikirkan benda ini murah dan boleh di-gunakan bagi sementara. Kebiasaan-nya barang² yang sa-macham itu kita dapat dengan perchuma ia-itu bantuan² dari negara² Commonwealth,—Britain, Australia, New Zealand dan juga Canada.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu dan juga beberapa orang lagi Ahli² Yang Berhormat—Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam, telah mengatakan, ia-itu kita mustahak mempunyai tentera yang mobile, yang effective yang boleh senang di-pindahkan dari satu tempat

ka-satu tempat. Memang ini telah menjadi dasar kita, saya telah pun terangkan dalam Dewan ini dahulu ia-itu tujuan kita ia-lah hendak mengadakan efficient, effective mobile Armed Force which can be transported to any part of the country should the need arise.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok mengatakan ia-itu tentera kita mempunyai anggota² yang banyak dan pegawai² pun yang banyak tetapi tidak-lah mempunyai quality yang baik. Ini tidak benar, Tuan Pengerusi. Kita tidak mempunyai tentera yang begitu banyak, tetapi kita mempunyai tentera yang chukup discipline, chukup latehan dan mempunyai ta'at setia yang penoh. Pada masa ini saya suka sebutkan dan saya telah kerap kali sebutkan ia-itu kita sentiasa berbangga dengan anggota² Angkatan Tentera kita termasuk-lah pegawai² di-atas kecekapan mereka itu dan ta'at setia yang mereka itu sentiasa tunjukkan bahkan tentera kita mempunyai nama yang harum bukan sahaja di-Malaysia ini bahkan diseluruh dunia. Jadi, mereka itu telah menunjukkan kehandalan dalam beberapa kali kita menempoh peperangan—Peperangan Dunia yang kedua, konfrantasi dan juga dalam masa menentang pengganas² komunis.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok mengatakan mengapa di-hantar pegawai civilian berlateh di-I.D.C. (Imperial Defence College) bersama dengan pegawai tentera. Ini memang-lah kebiasaan-nya, Tuan Pengerusi, tiap² tahun kita ada dapat peluang menghantar pegawai tentera atau pun polis dan juga pegawai civilian berlateh di-situ. Ini satu tempat latehan yang baik bukan sahaja bagi tentera bahkan bagi pegawai² civilian juga.

Ahli Yang Berhormat itu berkata kenapa di-adakan kerahan tenaga ra'ayat di-Sabah sahaja tidak di-Malaysia. Di-sini saya suka menerangkan bahawa kita terpaksa memberhentikan latehan di-Malaysia sa-lain daripada Sabah kerana kekurangan wang. Di-Sabah mustahak di-jalankan latehan kerahan tenaga ra'ayat ini di-sebabkan kita berkehendak anggota² pertahanan bagi mempertahankan Sabah.

Ahli Yang Berhormat itu juga berkata bahawa kita gunakan regular army bagi menentang gerila dan regular army kita tidak ada mempunyai latehan gerila. Ini tidak benar, Tuan Pengerusi, sebab tentera kita (regular army) ada di-beri latehan gerila dan kita telah lama berjuang menentang pengganas² komunis dalam hutan—guerilla warfare. Semenjak tahun 1948 dan tentera² kita mempunyai pengalaman, mempunyai kebiasaan menjalankan guerilla warfare.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok juga mengatakan membeli submarine. Saya suka menerangkan submarine ini mahal harga-nya dan tidak di-fikirkan dia begitu besar faedah-nya bagi pertahanan negara kita, yang kita perlukan ia-lah kapal ronda atau pun patrol craft dan kita ada sekarang ini dua brigade.

Berkenaan dengan Tabuan, ini tidak benar, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat itu mengatakan kapal terbang Tabuan ini jikalau di-muatkan dengan muatan yang tertentu tidak dapat naik terbang. Kita dapati kapal terbang Tabuan ini ada-lah baik dan menepati bagaimana kehendak² kita.

Ahli Yang Berhormat itu juga mengatakan kita tidak ada mempunyai penasihat² yang baik, kita selalu membeli barang² yang lama. Ini, Tuan Pengerusi, saya sebutkan tidak betul kerana kita ada mempunyai technical expert kita yang faham dalam hal ini dan biasa-nya sa-belum kita beli sesuatu barang itu kita semak, kita siasat dahulu dengan halus di-atas kegunaannya dan jika kita fikirkan barang² itu berguna kapada kita baharu-lah kita beli.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat ada mengatakan ia-itu pehak tentera kita telah menjalankan kekerasan terhadap orang² yang hendak masuk menjadi tentera. Saya suka sebutkan perkara ini tidak-lah benar seperti yang di-terangkan didalam akhbar. Peristiwa yang berlaku pada satu masa dahulu ada-lah mendukachitakan kita di-sebabkan silap faham, jadi orang² yang tidak di-kehendaki datang untuk temuduga telah datang juga, jadi dengan sebab itu-lah

ada kechoh sedikit di-tempat temu-duga itu jadi telah menimbulkan perselisihan faham di-antara pihak pegawai itu dengan pemuda² yang ada di-situ. Saya telah menjalankan siasatan atas hal ini dan pada masa ka-hadapan ini peratoran yang sempurna akan diadakan dan hanya-lah mereka² yang di-panggil pergi temuduga itu akan di-benarkan masuk untuk di-temuduga.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat juga ada berkata berkenaan dengan latehan patut kita adakan banyak lagi latehan berperang bagi tentera darat, laut dan udara. Ini, Tuan Pengerusi, memang kita telah menjalankan dari satu masa ka-satu masa.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kilang senjata yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat dan juga Kuala Trengganu Selatan, saya suka menerangkan bahawa kita hanya-lah berkehendakkan sa-bilangan yang kecil sahaja senapan² dan senjata² machine gun dan lain-nya. Jadi tidak-lah di-fikirkan menasabah atau pun boleh menguntongkan kepada kita mengadakan kilang kita sendiri.

Berkenaan dengan peluru kita telah bersetuju hendak mengadakan kilang kita sendiri, tetapi bagi senjata sebab ada berbagai² type atau pun bentuk senjata ini. Jadi kalau hendak adakan kilang ini berkehendakkan belanja yang besar dan tentu-lah Kerajaan akan mendapat kerugian di-atas hal ini kalau kita hendak menjalankan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Batu ada bertanya sebab apa kenaikan gaji other ranks tidak dijalankan. Perkara ini memang telah dipersetujukan beberapa bulan dahulu dan pihak Kementerian telah menjalankan conversion tables dan ini telah di-selesaikan dan di-harapkan mulai bulan dua ini dapat di-bayar kenaikan gaji other ranks yang telah pun dipersetujukan itu.

Berkenaan dengan Embezzlement of funds—saya suka terangkan tetapi saya telah memberi akuan di-Dewan ini bahawa kita telah mengambil langkah² untuk hendak menjaga supaya tidak lagi berlaku perkara² yang sa-macam itu dan peratoran² yang baharu telah di-sediakan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Selatan menhadangkan ia-itu patut-lah anggota² tentera kita ini di-gunakan bagi menolong menjalankan ranchangan² kemajuan pada masa mereka itu tidak bekerja. Sa-benar-nya, Tuan Pengerusi, pada masa kita berada di-dalam keadaan keamanan pihak tentera terutama sa-kali Federation Engineers ada menjalankan ranchangan² membuat jambatan dan sa-bagai-nya, membina jalan raya, tetapi pada masa sekarang ini tentera kita ada-lah di-gunakan dengan sa-penoh-nya untuk pertahanan, sungoh pun bagitu Federation Engineers yang berada di-Malaysia Timor adalah menjalankan sedikit sa-banyak ranchangan² kemajuan membina jalan² raya dan juga membina jambatan² di-tempat² yang di-fikirkan patut jikalau mereka itu ada masa. Tetapi oleh sebab kita menghadapi keadaan kechemasan, keadaan tegang dengan Filipina, jadi mustahak-lah semua tentera² kita ini di-dalam keadaan alert, jadi tidak-lah boleh mereka itu menjalankan pekerjaan² sa-lain daripada pekerjaan mempertahankan tanah ayer kita.

Tuan Pengerusi, saya fikir itu sahaja-lah butir² yang di-sebutkan oleh Ahli² Yang Berhormat. Sa-kali lagi saya suka menegaskan di-sini bahawa kita sedang menyemak dasar pertahanan kita dan kita akan mengator dasar pertahanan kita yang kita fikirkan sesuai dengan keadaan di-negara kita ini kerana kita ketahui bahawa negara² yang merdeka mustahak kita mempunyai tentera² yang cukup lengkap sa-kurang²-nya untuk mempertahankan tanah ayer kita ini daripada serang yang sa-kecil²-nya daripada mana² pihak dan kita berharap dengan dasar kita yang kita suka hendak berbaik² dengan semua negara akan menjamin keamanan dan ketenteraman di-Tenggara Asia. Bagitu juga kita berharap bahawa kuasa² besar United States, Soviet Russia dan Red China akan mengetahui bahawa negara² di-Tenggara Asia ini terutama kita di-Malaysia ini hanya sa-mata² ingin kepada keamanan, suka hendak hidup sendiri dengan tidak ada di-gangu oleh mana² pihak jadi dengan itu kita berharap kuasa² besar dapat menjamin keamanan dan juga ketenteraman di-Asia Tenggara. Kalau

keadaan yang sa-macam ini dapat di-adakan, saya perchaya kita boleh menghadapi zaman keamanan dan kita dapat menumpukan segala usaha dan tenaga kita kepada pembangunan untuk faedah ra'ayat, bukan sahaja Malaysia bahkan di-seluruh Tenggara Asia.

Terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$257,542,668 untuk Kepala B. 14 di-perintah menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Meshuarat ini di-tangguhkan hingga pukul 4 petang hari ini.

Persidangan di-tangguhkan pada pukul 12 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1969

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatan-kuasa Perbekalan)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Kepala² B. 15 hingga B. 17—

Menteri Pelajaran (Tuan Mohamad Khir Johari): Tuan Pengerusi, dengan izin, tuan, saya berchadang untuk mengemukakan ketiga² Kepala Bekalan yang menjadi Belanjawan Berulang Tiap² Tahun bagi Kementerian saya sa-kali gus dan oleh yang demikian saya mohon menchadangkan supaya Kepala² Bekalan yang berikut menjadi sa-bahagian daripada jadual.

- (i) Kepala 15 yang membekalkan wang sa-banyak \$37,013,361 untuk gaji, lain² perbelanjaan berulang tiap² tahun dan lain² perbelanjaan khas bagi Negeri² di-Malaysia Barat.

- (ii) Kepala 16 yang membekalkan wang sa-banyak \$348,052,522 untuk Bantuan Pelajaran dan Pemberian Bantuan.

- (iii) Kepala 17 yang membekalkan wang sa-banyak \$48,639,344 untuk perbelanjaan pelajaran di-Malaysia Timor.

Jumlah wang yang di-bekalkan di-bawah ketiga² Kepala Bekalan di-atas ia-lah sa-banyak \$433,705,227 berbanding dengan peruntokan sa-banyak \$401,490,902, bagi tahun 1968, yang telah pula di-dapati tidak menchukupi. Saya akan mengemukakan butir² mengenai peruntokan tambahan yang tidak dapat di-elakkan bagi menampung kekurangan² dalam tahun 1968 di-suatu masa kelak.

Memandang kapada kedudukan kewangan negara maka Kementerian saya terpaksa berjalan dengan belanjawan berdikit² atau pun dengan jalan austeriti dan segala usaha² serta langkah² telah di-ambil untuk mengurangkan perbelanjaan kapada yang sa-rendah²-nya dengan chara menangguhkan beberapa aktiviti² yang tertentu, mengeneipikan perbelanjaan yang di-anggap tidak mustahak dan mengorbankan sa-tengah² daripada projek² impian kita. Untuk maksud ini, kita telah pun menentukan di-antara apa yang di-ingini dan apa yang benar² di-perlukan. Langkah² berjimat chermat yang di-jalankan oleh Jawatan-kuasa Khas yang di-pengerusikan oleh saya sendiri pada akhir tahun 1967 telah berjaya mengurangkan Kepala Bekalan 17 dahulu, ia-itu Kepala Bekalan 15 sekarang sa-banyak \$18,000,000: ia-itu daripada \$55,166,247 dalam tahun 1967 kapada \$37,013,361 dalam tahun 1969.

Sa-lain dari pengurangan yang besar yang di-sebutkan tadi, langkah² lain yang di-jalankan oleh Kementerian saya pada tahun lepas ia-itu menaikkan yuran sekolah, mengurangkan bantuan² per capita/mata pelajaran dan menyemak sa-mula misbah guru-kelas, telah dapat mengurangkan lagi tambahan yang di-kehendaki untuk menampung kekurangan dalam Kepala Bekalan 18 sa-banyak lebeh kurang \$6 juta.

Satu Jawatan-kuasa Berjimat Cheramat Kementerian yang di-tubuhkan di bawah arahan Perbendaharaan pada akhir tahun lepas, akan terus bertugas sa-bagai sa-buah Jawatan-kuasa tetap untuk menyelidik, memeriksa dan menghalusi semua aspek perbelanjaan dengan tujuan untuk mengurangkan sa-bberapa banyak perbelanjaan yang boleh. Malang-nya, langkah berjimat chermat ini ada had-nya dengan sebab kita tidak mahu menjatuhkan mutu pelajaran serta pentadbiran dan penyeliaan² pelajaran yang ada sekarang ini. Bilangan murid² di-sekolah² di-Malaysia Barat telah bertambah dari 1,808,801 orang dalam tahun 1968 kepada lebih kurang 1,920,000 dalam tahun 1969.

Saperti mana yang telah saya sebutkan dalam ucapan Belanjawan saya pada tahun yang lepas, bertambah-nya bilangan murid² dalam sekolah² ini akan membawa kesan yang besar kepada yayasan² pelajaran tinggi, ia-itu maktab² dan Universiti Malaya. Akibat-nya ia-lah peruntukan tambahan ada-lah di-perlukan juga kepada yayasan² tinggi ini. Selain daripada itu, maka ada juga beberapa faktor² yang menyebabkan bertambah-nya perbelanjaan berulang² tiap² tahun bagi pelajaran, saperti memperbaiki kedudukan kaki-tangan di-sekolah² (baik dari segi mutu atau bilangan), kenaikan² gaji tahunan biasa, pengemasan latehan guru, pembaharuan dalam kaedah² mengajar, mengadakan kemudahan² yang lebih baik dan lain² lagi. Oleh sebab itu, peruntukan bagi Kepala Bekalan 16, ia-itu Kepala Bekalan 18 dahulu, terpaksa di-tambah dari \$410,338,526 dalam tahun 1968 kepada \$348,052,522 dalam tahun 1969. Tanpa mengira bantuan sa-banyak \$9,000,000 kepada Rumah Sakit Latehan Universiti yang dulu-nya termasuk di-dalam Anggaran Kementerian Kesihatan, maka tambahan itu berjumlah hanya sa-banyak \$23.2 juta sahaja.

Berhubung dengan Malaysia Timor, tambahan sa-banyak kira² \$4.2 juta lebih dari tahun lepas ada-lah di-kehendaki untuk membiayai bilangan murid² yang bertambah, membayar gaji guru² yang bertambah bilangan-nya dan juga alat² sekolah. Saperti di-

Malaysia Barat juga, bilangan murid di-Malaysia Timor telah bertambah dari 298,000 orang dalam tahun 1968 kepada lebih kurang 317,000 orang dalam tahun 1969. Jumlah ka-semua-nya peruntukan yang di-kehendaki bagi kedua² Negeri Malaysia Timor itu di-bawah Kepala Bekalan 17 ia-itu Kepala 19 dahulu ia-lah \$48,639,344.

Dengan penerangan yang pendek ini, Tuan Pengerusi, saya sekarang akan menyentuh dengan ringkas sahaja tentang sa-tengah² kejayaan yang telah di-chapai dalam tahun 1968 dan rancangan yang akan di-laksanakan oleh Kementerian saya pada tahun ini. Saperti biasa, saya tidak bermaksud hendak menerangkan dengan panjang lebar mengenai butir² di-dalam anggaran itu kerana saya perchaya perkara ini boleh di-timbulkan dalam masa perbahathan kelak. Pada akhir perbahathan ini saya akan menchuba dengan sa-bberapa yang boleh untuk menjawab kemushkilan² yang mungkin akan di-timbulkan oleh Ahli² Yang Berhormat sakalian.

Bilangan sekolah² dalam tahun 1968 di-Malaysia Barat ia-lah 5,068 buah dan di-Malaysia Timor pula ia-lah 1,839. Bilangan murid² di-Malaysia Barat dalam tahun 1968 ia-lah 1,808,801 orang dan 298,000 di-Malaysia Timor. Sa-lain dari 7 buah sekolah² berasrama penoh, yang kesemua-nya terletak di-Malaysia Barat, ada juga beberapa buah sekolah² lain yang menyediakan kemudahan² asrama untuk murid² yang datang dari kawasan² luar bandar. Bilangan asramawan dalam tahun 1968 ia-lah lebih kurang 25,000 dan dengan sebab banyak-nya permohonan² untuk tinggal di-asrama khas-nya dari mereka² yang datang dari luar bandar, tambahan sa-banyak 5% telah di-hetong di-dalam belanjawan bagi tahun ini.

Apa yang di-titek beratkan dalam tahun 1969 bukan-lah mengenai pembinaan sekolah² baharu tetapi ia-lah mengemaskan sekolah² yang ada sekarang dengan mengadakan bilek² darjah tambahan dan menyediakan alat² kelengkapan² yang lebih baik. Walau bagaimana pun, beberapa buah sekolah² teknik dan vokeshenal akan

juga di-bena sejajar dengan dasar memberi keutamaan kepada pelajaran teknik vokeshenal. Sa-benar-nya, pelajaran jenis ini akan lebeh di-hebatkan mulai dari tahun ini dan tahun² seterusnya. Bilangan murid² dalam Sekolah² Menengah Vokeshenal (pertukangan) telah bertambah dari 1,570 dalam tahun 1968 kepada lebeh kurang 2,700 pada tahun ini dan dalam Sekolah Menengah Teknik pula bilangan itu telah bertambah dari 1,600 kepada 2,000 orang. Sekolah² Vokeshenal (Pertanian) di-Rembau akan di-buka dengan mempunyai penuntut² sa-ramai 80 orang pada tahun ini dan Politeknik di-Ipoh akan menerima penuntut²-nya yang pertama lebeh kurang sa-ramai 300 orang dalam bulan Mei tahun ini. Jumlah penuntut² yang di-anggarkan bagi tahun 1969 dalam semua sekolah² di-seluruh Malaysia ia-lah lebeh kurang 2,300,000.

Sa-bagaimana yang telah saya sebutkan dalam ucapan saya pada tahun lepas, salah satu daripada perkembangan² baharu yang terchapai dalam tahun 1967 ia-lah Pihak Kementerian mengadakan Peperiksaan Penilaian dalam bentuk objektif bagi murid² dalam Darjah 5. Peperiksaan ini telah di-jalankan dengan jaya-nya di-dalam semua bahasa penghantar di-sekolah² rendah di-Malaysia Barat. Jumlah murid² yang mengambil peperiksaan ini, yang telah di-adakan dalam bulan September 1968, ia-lah 200,140 orang dan bilangan yang di-jangka mengambil peperiksaan pada tahun ini ia-lah lebeh kurang 220,000 ia-itu bertambah sa-banyak 10%. Mulai dari tahun ini peperiksaan ini akan di-gunakan sebagai satu Peperiksaan naik darjah ka-Tingkatan 1 atau pun kelas peralehan bagi murid² yang cherdek. Dalam tahun 1968, 51,600 calon² telah mengambil peperiksaan Sijil penoh S.R.P. dan 91,647 orang mengambil L.C.E. sementara 24,270 calon² pula telah mengambil mata pelajaran bahasa tunggal dan ini menjadikan jumlah-nya sa-ramai 167,525. Ada-lah di-jangka bahawa calon² yang mengambil peperiksaan² ini pada tahun hadapan akan bertambah kepada lebeh kurang 180,000 orang. Bilangan penuntut² yang mengambil peperiksaan S.C. dan

M.C.E. bagi tahun 1968 telah meningkat kepada satu angka yang paling tinggi ia-itu hampir² 75,000 dan bilangan ini di-jangka akan bertambah lagi pada tahun ini. Patut juga di-ingat bahawa penuntut² yang mengambil peperiksaan S.P.M. ia-itu (Bahasa Penghantar Melayu) telah melebehi bilangan 17,000. Lembaga Peperiksaan akan menguruskan bagi kali pertamanya pada tahun ini peperiksaan Sijil Pelajaran Vokeshenal Malaysia. Adalah di-jangka bahawa calon² yang lulus peperiksaan ini akan di-ambil ka-dalam pekerjaan² yang berkehendakkan kemahiran² vokeshenal di-pehak Kerajaan dan juga dalam badan² persendirian.

Ranchangan mengadakan guru² untuk memenohi kehendak² dan keperluan² sistem pelajaran rendah perchuma dan pelajaran anika jurusan di-peringkat Menengah Rendah telah di-laksanakan mengikut jadual. Di-sebabkan oleh perubahan² baharu ini dalam misbah guru-kelas yang timbul dari langkah berjimat chermat yang di-jalankan oleh Kementerian saya, ada-lah di-jangka bahawa bilangan guru² yang di-kehendaki pada masa yang akan datang akan kurang sedikit dari apa yang telah di-ranchangkan pada mula²-nya. Bilangan guru² pelatoh yang di-ambil pada tahun ini ia-lah hanya lebeh kurang 1,265 orang dan dari jumlah ini sa-ramai 100 orang akan di-lateh di-Maktab Latehan Guru² Pertukangan yang baharu di-buka di-Kuantan.

Walau pun ranchangan mengadakan guru² bagi sekolah² rendah dan menengah telah sempurna; namun demikian kekurangan lagi terdapat mengenai guru² siswazah terutama sekali mereka yang mempunyai kelayakan² dalam bidang sains untuk mengajar di-kelas² Menengah Atas. Oleh yang demikian, maka lebeh banyak lagi biasiswa² dan dermasiswa² untuk serjana muda sains (Hons) dan Diploma Pendidikan di-Universiti Malaya akan di-keluarkan dalam tahun 1969. Bagi menghadapi keperluan yang semakin bertambah bagi pengajaran sains di-Sekolah Menengah Kebangsaan, maka mungkin juga mustahak menghantarkan ka-luar negeri, beberapa orang penuntut² dalam bidang sains dan teknologi dengan tujuan

supaya mereka itu semua akan di-lantek sebagai guru² khas dalam lapangan² sains dan teknologi apabila mereka itu balek ka-Tanah Ayer nanti.

Ranchangan mengadakan guru di-Malaysia Timor maseh belum memuaskan lagi. Ini ada-lah di-sebabkan kekurangan chalun² tempatan yang berkelayakan untuk memasoki Maktab² Latehan di-sana. Untuk mengatasi kesulitan ini sa-bilangan chalun² dari Malaysia Barat telah di-terima untuk memasoki maktab² latehan di-Sabah mulai dari tahun lepas. Bilangan guru² yang sedang mengikuti latehan di-Sabah ia-lah 704 dan seramai 760 orang di-Sarawak.

Satu perbekalan berjumlah \$7,927,952 telah di-untukkan bagi biasiswa pada tahun ini. Peruntukan ini ia-lah untuk memberi biasiswa² kepada murid² yang layak menerima-nya, dan juga kepada penuntut² yang mengikuti kursus² untuk mendapatkan ijazah dan diploma di-Universiti Malaya atau lain² Universiti yang di-iktirafkan dengan tujuan untuk melantek mereka sebagai guru² Siswazah. Hadiah² latehan bagi guru² yang sedang berkhidmat dan pentadbir² pelajaran, yang sedang berkhidmat dengan tujuan untuk meninggikan lagi pengetahuan mereka dalam perkhidmatan itu, ada-lah di-bekalkan lagi sa-banyak \$72,048.

Dengan bertambah-nya permintaan² bagi hadiah² pelajaran untuk melanjutkan pelajaran tinggi, Kementerian saya berchadang untuk mengadakan satu tabong pinjaman penuntut² dalam tahun 1970 bagi menggantikan ranchangan biasiswa dan dermasiswa. Ranchangan itu yang akan juga meliputi guru² pelateh, ia-lah salah satu daripada langkah² berjimat chermat yang telah di-shorkan untuk di-laksanakan.

Kemajuan yang telah di-chapai di-dalam lapangan pelajaran agama Islam di-sekolah² rendah dan menengah yang di-bantu penoh ada-lah sangat² memuaskan. Semenjak di-mulakan, bilangan murid² yang mengambil mata pelajaran itu bagi pepereksaan mereka ada-lah semakin bertambah ramai dan dalam tahun 1968 lebeh kurang 25,000 orang murid² telah mengambil mata pelajaran

itu dalam pepereksaan Sijil Seberang Laut dan Sijil Pelajaran Malaysia. Peruntukan yang di-kehendaki bagi pengajaran ugama Islam bagi tahun 1969 ia-lah \$7,015,930.

Kementerian saya terus menerus memberi bantuan kewangan kepada sekolah² Ugama Ra'ayat yang telah di-galakkan supaya mengajar mata² pelajaran akademik di-samping mata² pelajaran ugama dan membimbing murid² untuk mengambil pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia dan sa-terus-nya Sijil Pelajaran Tinggi. Tujuan Kementerian ini ia-lah untuk menjadikan sekolah² ini sa-aliran dengan sekolah² lain supaya pada masa yang akan datang murid² sekolah itu akan menikmati peluang² yang sama dengan murid² dari sekolah² aliran lain itu. Saya berharap bahawa di-dalam beberapa tahun yang akan datang, murid² yang keluar dari sekolah² ini akan dapat pula memasoki bukan sahaja ka-Kolej Islam bahkan juga Universiti Malaya atau pun universiti² lain di-seberang laut.

Perkembangan Kolej Islam di-Petaling Jaya sa-bagai sa-buah yayasan pelajaran tinggi yang menitek beratkan pelajaran ugama Islam ada-lah berjalan dengan lichin-nya. Bilangan kelas² Tingkatan Enam yang di-mulakan pada tahun lepas, akan di-tambah lagi pada tahun ini. Pemberian bantuan kepada Kolej itu telah di-tambah dari \$386,000 dalam tahun 1968 kepada \$834,669 pada tahun ini.

Di-dalam bidang pelajaran tinggi pula, kita telah membuat kemajuan yang chemerlang semenjak beberapa tahun yang lepas. Universiti Malaya telah berkembang dengan pesat-nya semenjak di-tubuhkan tidak sampai pun 10 tahun yang lalu saperti yang dapat kita lihat bukan sahaja dari jumlah kakitangan dan penuntut²-nya yang kian bertambah tetapi juga daripada segi mata² pelajaran baharu yang di-adakan di-Universiti itu. Pada hari ini Universiti Malaya itu mempunyai 7 Fakulti. Lebeh banyak lagi tempat² akan di-sediakan bagi tahun ini untuk memenohi keperluan penuntut² yang telah bertambah bilangan-nya yang telah mengambil pepereksaan H.S.C.

atau pun Sijil Pelajaran Tinggi tahun lalu. Perkembangan yang pesat ini di-jangka akan terus berjalan sa-hingga bilangan penuntut² berjumlah 7,000 orang dalam penggal persekolahan 1969/1970. Ada-lah satu perkara yang mengembirakan kita semua bahawa Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran dan Fakulti Perubatan akan mengeluarkan siswazah² pertama mereka pada tahun ini.

Universiti Pulau Pinang, yang akan di-tubuhkan pada tahun ini, akan di-mulakan dengan satu kursus sains di-Maktab Perguruan di-sana. Kementerian ini sedang mengkaji butir² lanjut mengenai bilangan penuntut² yang akan di-ambil pada mula-nya tahun ini. Ranchangan² bagi menubuhkan Universiti Kebangsaan sedang di-selenggarakan. Mutlambat-nya ia-lah tahun 1970. Sementara itu sa-buah Jawatan-kuasa Bersama Kementerian Pelajaran/ Kementerian Pertahanan sedang menimbangkan chara² yang sesuai mengenai penggunaan Kem Terendak di-Melaka sa-lepas pengundoran tentera² Commonwealth dari Kem tersebut.

Maktab Teknik, Kuala Lumpur terus mengadakan kursus² dalam dua peringkat, ia-itu Kursus Diploma dan Kursus Ikhtisas atau pun professional dengan tujuan menyediakan keperluan tenaga manusia dalam bidang² teknik bagi ranchangan² perusahaan dan juga pembangunan negara ini. Maktab itu juga telah mengadakan kursus permulaan bagi sa-bilangan penuntut² yang terhad yang kebanyakan-nya datang dari kawasan luar bandar, dan juga kursus² pre-diploma dan kelas² malam. Bilangan penuntut² telah bertambah dari 753 dalam penggal persekolahan 1967/1968 kepada 921 dalam penggal persekolahan sekarang. Soal menjadikan Maktab Teknik itu sebagai sa-buah Maktab Teknologi sedang di-kaji dengan teliti.

Maktab Pertanian, Serdang terus memainkan peranan yang berkesan bagi mengeluarkan tenaga manusia yang terlatih dalam bidang pertanian di-Malaysia. Bilangan penuntut² Maktab itu dalam tahun 1968 ia-lah seramai 548 ia-itu bilangan yang paling tinggi sekali dalam sejarah Kolej itu. Awal

bulan hadapan lebeh kurang 160 orang penuntut² di-jangka akan menerima Diploma Pertanian dan dengan itu Maktab Pertanian di-Serdang telah menchapai matlamat-nya bagi mengeluarkan 150 hingga 175 siswazah² pada tiap² tahun mengikut Jadual saperti yang di-jangka di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Kemajuan chemerlang yang telah di-chapai oleh Maktab itu telah memberi perangsang kepada Kerajaan bagi menimbangkan untuk mengadakan pengambilan penuntut²-nya pada tiap² tahun mulai dari-pada tahun 1970 supaya Maktab itu akan mempunyai lebeh kurang 1,000 orang penuntut dan dapat mengeluarkan lebeh kurang 300 siswazah² pada tiap² tahun.

Kolej Tunku Abdul Rahman yang akan di-tubuhkan dengan daya-usaha orang² persaoangan yang terkemuka serta dengan bantuan yang sa-imbang daripada Kerajaan akan di-buka dalam tahun ini. Maktab ini akan menambah lagi kegiatan² pelajaran di-bawah kawalan Kementerian Pelajaran.

Pemberian bantuan kepada pertubohan² kebudayaan dan pelajaran adalah juga di-bawah kawalan Kementerian ini. Salah satu daripada-nya ia-lah Dewan Bahasa dan Pustaka yang terus menerus memainkan peranan-nya yang penting bagi mengeluarkan buku² teks yang di-luluskan bagi sekolah². Penerbitan kamus Bahasa Kebangsaan yang resmi yang sepatut-nya di-laksanakan dalam tahun 1968 telah terpaksa di-tangguhkan di-sebabkan oleh sistem ejaan yang tidak dapat di-tentukan. Walau bagaimana pun keputusan telah di-buat supaya kamus itu di-terbitkan dengan memakai sistem ejaan lama dan ada-lah di-jangka kamus itu akan siap di-jual dalam bulan Ogos atau pun September tahun ini.

Di-samping mengadakan peruntokan bantuan yang besar kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sumbangan wang yang berupa bantuan ada-lah juga di-beri kepada beberapa buah yayasan² pelajaran dan kebudayaan seberang laut saperti UNESCO, SEAMES dan Royal Asiatic Society. Majlis Sukan Sekolah² Malaysia, yang di-jangka akan

berdiri di-atas kaki-nya sendiri kelak, ada-lah di-untukkan sa-banyak \$30,000. Jumlah peruntukan bantuan kepada pertubohan² kebudayaan dan pelajaran pada tahun ini telah di-kurangkan kepada \$2,207,696 daripada \$2,752,397 dalam tahun 1968.

Peruntukan kewangan ada-lah juga di-beri pada tiap² tahun kepada Persatuan² dan Pusat² Penuntut² Malaysia di-seberang laut melalui Jabatan Penuntut² Malaysia di-London dan di-Sydney bagi United Kingdom dan Australia dan melalui Kementerian Luar Negeri bagi negeri² lain untuk membolehkan penuntut² mengenalkan diri mereka serta menjalankan berbagai² aktiviti. Jika berlaku sa-suatu kesusahan atau kemalangan penuntut² boleh meminta bantuan dari Kumpulan Wang Kebajikan dan Kemudahan Penuntut². Peruntukan bagi pertubohan² penuntut di-seberang laut ia-lah sa-banyak \$1,638,000.64 untuk tahun ini berbanding dengan \$1,719,276 bagi tahun 1968.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang telah saya terangkan awal tadi, saya tidak-lah berchadang hendak menjelaskan tiap² butir perbelanjaan dalam Anggaran ini. Saya chuma menitek-beratkan perkara² yang mustahak dan saya perchaya Ahli² Yang Berhormat akan bersetuju dengan saya bahwa kami di-Kementerian Pelajaran ada-lah berusaha sedaya upaya membelanjakan tiap² satu sen yang di-peruntukan oleh Dewan ini dengan sebaik²-nya demi kepentingan pelajaran anak² kita di-negeri ini.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan supaya Kepala² Bekalan 15, 16 dan 17 akan menjadi sebahagian daripada Jadual. Terima kaseh. (*Tepok*).

Tuan Stephen Yong Kuet Tze (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I am referring to the Budget Summary, which states that the activities of the Ministry, amongst other things, include "Control over the financing of education in East Malaysia and working in concert with the State Governments with view to integrating the system and administration of education therein

with the national educational policy". Sir, it sounds well and plausible, but the word "control" sometimes can sound rather ominous. Here, we would like to know what sort of control over the financing of education in East Malaysia and whether it means that the control shall be used to compel East Malaysia to conform to the policies as stated here, the national educational policy of the Central Government.

Sir, in the East Malaysia, as you know, we have certain safeguards regarding our education policy: on the one hand, we do agree that there should be a national policy but, on the other, we feel that regard must be given to the special circumstances of East Malaysia.

Now, Sir, take for instance this: In East Malaysia we still do regard English as one of the media of instruction, and that has been accepted as such because, whether we like it or not, East Malaysia has been rather slow in its educational development, and for a long, long time there had been a lack of educational facilities for the mass of people, and because the State of Sarawak had been a British colony and because there was no proper educational encouragement in the days of the White Rajah, so, when it became a British Colony, the British Government had to introduce English as the medium of instruction to all the areas in the interior.

We have had a ten-year programme which started some time in the 1950's and, therefore, people there who are coming up to proceed to higher education, naturally, would only know English as the language. So, if we are now to change that system whereby the National Language shall be made to be the medium of instruction, or to introduce a different policy or a policy, which might contradict the policy which had been followed for so many years then, in my view, we will retard the educational progress in the State.

Furthermore, Sir, we, in East Malaysia, feel that since we accept Malaysia as a multi-racial society, and in view of the fact of the Constitutional provisions that the cultural heritage of the

people should be preserved, therefore the conclusion that one has to arrive at would be that whereas on the one hand we have to promote the National language but on the other hand we have also to see that the languages of the other peoples, other than people who speak Malay, would be given opportunities to learn their languages. And, in this respect, Sir, languages like Chinese and Tamil other than Malay—would be also preserved. So, the question would be, if we are going to push, if we are going to make the National language as the main medium of instruction, whether or not by so doing that would, in fact, cut into the spirit of the Constitution—that is to say, the preservation and the teaching of languages other than Malay.

Sir, we know now that we still have the teaching of languages other than Malay in the primary schools and in the private secondary schools—that is so far so good. However, the question is how would one eventually get teachers to teach in these schools? If the national education policy is such that you cannot go to a higher institute of learning unless you pass the National language, then that means that you have to start off from the primary school level. In East Malaysia, we experience that not only we cannot find teachers to teach the National language in the primary schools, but we cannot also find Malay teachers to teach in the secondary schools. So, the question of teachers will be one big problem. If we do not encourage the training of teachers, say, in the Chinese language, because there would not be such facilities, then how do we expect to have teachers to teach Chinese in the Chinese Primary Schools. Now, this is something which worries a lot of people. In the Budget Summary it is also stated that the activities of the Ministry will include “to educate pupils in accordance with the wishes of the parents within the framework of the policy and to make the National Language as the main medium of instruction”. Now that would appear to be contradictory in terms. Take this for instance; if Chinese parents would like their children to learn Chinese,

how could they do so within the national education policy, if you say that we have to make the National language as the main medium of instruction?

Mr Chairman, Sir, I am not against having the National language. That is necessary in order to establish one nation. But it is the pace that I would like the Minister to take into account because, as I have said, some States may not be able to catch up. In the implementation of the policy, one has to consider what are the circumstances, the environment, and the capabilities of the other States, particularly in East Malaysia, where the teaching of the National language, i.e. Malay, is fairly a new thing. Therefore, it is my submission that it would be wrong if the Central Government is going to use control over finance to force East Malaysia to conform to the pace as now prevailing in West Malaysia, because that will only destroy the confidence of the people in the concept of Malaysia.

Tuan Mohamed Khir Johari: Sir, on a point of information—under the Inter-Government Committee Report, under the Agreement, it is not possible for me as the central Minister of Education to change the system of education in Sarawak or Sabah without the consent of those two State Governments. I think it is unnecessary for the Honourable Member to come and tell the House about the changes that we contemplate to make in this educational system of Sarawak in particular, because it is not our intention—I have said so not only once but so many times in this House—and it has never been our intention to force the educational system of West Malaysia down the throats of the people of East Malaysia unless they so wish.

Tuan Stephen Yong Kuet Tze: I am obliged to the Minister, Mr Chairman, Sir, but I have quoted the Summary which states that one of the activities of the Ministry is to control over the financing of education in East Malaysia. I am trying to plead with the Minister not to use the control over finance indirectly to force East Malaysia to come round to the West Malaysia

pattern, that is all I am asking. I am hoping that the control over the finance would not be to that direction, and if the Minister is not going to use the power over the control of finance in that direction, then we shall be very grateful.

Now, Sir, we have heard the Minister telling us of the progress in the institutes of higher learning in Malaysia. That, of course, means that the people, who are manning the posts in these institutes, ought to be congratulated. But we have read in the press recently of several resignations of senior lecturers from the University of Malaya, and that is rather disturbing. The people would like to know why such exodus of brains should come about. Is it because of too much political interference or is it because that they have not been able to do the work properly because of lack of facilities? These are matters which would some way affect the standard and the achievements of these institutes. Unless our institutes can attract the best brain and the environment is provided for the people with good brains to come and contribute and to help our students along, then this progress would be slowed down and, of course, our standards will fall. The Ministry of Education would be wise, in my submission, to look into this and see if the reasons for the resignations of these senior lecturers are because of personal matters and not because of some thing else.

We know, Sir, that in the institutes of higher learning we still have to use English as medium of instruction, and it should well be borne in mind that, in our zeal to promote the national language, we should not forget that English is still important in institutes of higher learning. I have been told—I am not sure whether it is now the Government's policy—that for enrolment to the University of Malaya in future, applicants will have to pass the National language test. As I said, Mr Chairman, Sir, in cases of students from East Malaysia, that would be a very unfair qualification to expect of them, because we do not have the facilities to teach

them the National language. In fact, this introduction of the National language is fairly new even in West Malaysia and if we insist on this qualification, then, perhaps, a lot of good brains would be excluded from the doors of the University.

Mr Chairman, Sir, the Honourable Minister has said that the system of national education will be geared to satisfy the needs of the nation and to promote cultural, social, economic and political development. That, of course, is a very good thing. In this regard, I feel that more technical education would be emphasised and encouraged because it is no use turning out a lot of young boys and girls who only look for white-collar jobs. In this respect, Sir, I think it is time that the Ministry should set up some Advisory Board to look into all the curricula of schools, whether they are national schools or private schools, so as to see that as regards the boys and girls even in primary schools, the emphasis is not so much on academic studies but more on technical side. That means, of course, Sir, that you have to try when they are young, to inculcate in them the feeling that labour is not something which is to be ashamed of but something to be proud of, so that anyone, who has passed even his Higher School Certificate, would be prepared to become a mason or a carpenter. If we can do that, then I think the education policy will be a successful one. But if we make them feel that whoever having a secondary education must necessarily go to office, then I think all the money that we are going to spend will be wasted. It is my hope that not only on paper the Ministry is going to say that the policy of education here is to satisfy the nation in the promotion of cultural, social, and economic developments but to see to it that we should start on the right foot, that from the very beginning the purpose of education is to enable the students to make use of the education for that purpose instead of creating an elite class which I am afraid our present education policy seems to do.

I have expressed elsewhere that education is a universal thing. Langue

is merely a means whereby one communicated one's thoughts to another and therefore one should aim at the contents rather than at the form. In this way, therefore, I say, when we are thinking in terms of promoting the National language, we have to remember that it is only a form. But let other media exist also if such media at the moment of our political development will still be useful in propagating education. If we are only putting an emphasis on promoting the National language and forgetting that, by so doing, our education standards may be lowered, then I think one has to have a second thought. I know that the Minister is a very enlightened person and, with his personality and power of persuasion, I am sure he would make his colleagues see this point.

Tuan Chew Biow Chuon (Bruas):

Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Perbelanjaan untuk tahun 1969 ini. Di-samping itu saya suka berchakap di-dalam B. 16 muka surat 212 Pechahan-kepala 2 ia-itu Pemberian kepada Sekolah Menengah atau Grants to Secondary Schools.

Tuan Pengerusi, di-sini kita nampak sa-banyak lebih daripada \$90 juta akan di-belanjakan untuk tajok ini. Saya suka menarek perhatian Kerajaan dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran terhadap kepentingan murid² yang keluar dari Tingkatan V Sekolah Jenis Kebangsaan di-dalam Jajahan Dindings yang meliputi dua kawasan pilihan raya ia-itu Bruas dan Sitiawan yang mana mereka itu terpaksa akan melanjutkan pelajaran-nya ka-Tingkatan VI sama ada mampu atau tidak mampu terpaksa mereka akan keluar ka-sekolah² lain yang ada mempunyai Tingkatan VI seperti di-Taiping, Ipoh atau Kuala Kangsar.

Mengikut perangkaan yang di-dapati di-dalam tahun 1967 kira² sa-ramai 292 orang murid² yang menduduki Tingkatan V di-sekolah² menengah di-dalam Jajahan Dindings. Jadi dari jumlah tersebut jikalau separoh daripadanya berjaya melanjutkan ka-Tingkatan VI bererti 150 orang akan keluar ka-tempat² lain tetapi jikalau Kerajaan dapat mengadakan Tingkatan

VI di-mana² sekolah di-dalam Jajahan Dindings ini bererti sa-kurang²-nya telah ada tiga atau empat buah bilek darjah bagi mereka itu yang mana satu kemudahan yang sangat besar telah dapat di-berikan kepada semua penduduk² di-dalam Jajahan itu. Oleh yang demikian saya menhadangkan supaya Tingkatan VI Sekolah Jenis Kebangsaan hendak-lah di-adakan di-mana² sa-buah Sekolah Menengah yang layak yang ada di-dalam Jajahan Dindings ini supaya dapat memudahkan penduduk² di-dalam Jajahan ini menghantarkan anak² mereka yang bersangkutan melanjutkan ka-Tingkatan VI terutama kepada mereka² yang kurang berkemampuan untuk menghantarkan anak²-nya ka-tempat² yang jauh seperti keadaan yang ada sekarang ini.

Sekian, terima kaseh.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, coming to the Ministry of Education, it is a matter of gratitude to know that in this country, Malaysia, we are spending almost twice as much money on education as we are spending on defence. I would like, particularly, to say how lucky we are to have a Minister who is keeping himself up-to-date with world affairs. When we look around at the progressive nations of the world, we find that they have one quality in common—a very high proportion of trained technical personnel. And having observed this, the Ministry is rightly putting great emphasis on technical education and science education.

It had been my privilege, Sir, to visit some of the schools in my constituency, and even in Negeri Sembilan, and to see that science, elementary science, is already being taught even in the smallest kampong schools, and with this foundation we can be sure that as these boys progress for higher education they would be able to absorb technical and scientific education much more easily than the ones who are unfortunate in having to go through school and learn nothing except their geography, history and literature. Naturally, Sir, these students are not to

be blamed for looking for "white collar" jobs; they have no other training; they are not trained in scientific subjects; they have not been trained how to handle machines. However, with the present trend of education, it will be quite easy for them to assist in the development of our country.

Next, Sir, at the present moment, during our short period of independence, we have developed a University that is being recognised by visitors and other countries as giving the highest standard of education. Considering our population which is round about ten million people, one University is definitely not enough to serve the needs of our population. A second university, we are informed, will soon be opened in Penang—and perhaps there will be a third, a fourth and fifth, because we see from the records that Malaysia sends more students abroad for higher education in proportion to our population than, perhaps, any other country. The reasons for this, Mr Chairman, Sir, I think, are firstly, we do not have enough opportunities for these students in our country at the moment, and, secondly, the prosperity of the country. However, in the very near future, if we can provide them with the necessary type of education, we will be able to save a lot of foreign exchange and train the students in the way that we would like them to learn.

Sir, coming to the study of English and the National Language, we have accepted that Malay is the National Language of our country. There is nothing further to debate on that; that has been accepted and is being implemented in our schools. But, I would like to say that English has become an international language. It is a language of commerce and is being taught in more than one country in Europe, in America and in Africa. We are pleased to note that, as far as we can see, there is no intention on the part of the Ministry to do away with English. English will be taught, but greater prominence, naturally, as in every other country, will have to be given to the language of our country.

Next, Sir, I do hope that there would be every encouragement for students

who wish to go abroad to pursue their studies, and these studies may not always be recognised by our country, but the private sector should be able to absorb quite a number of these students who go abroad for various types of studies. In this connection, it is pleasant to see that the Ministry has made provision for students abroad in respect of their hostels and other facilities which would be looked after, and that for quite a long time people who wish to send their children abroad will have nothing to worry. I support the Ministry and I support the amount applied for. Thank you, Sir.

Tuan D. A. Dago anak Randan (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Head B. 17, Education. Quite a number of schools in Sarawak are short of teachers especially in the rural primary schools. In my travels in the past, I often met a school teacher teaching primary I and II classes with about 50 to 60 children of both sexes between the ages of 6 and 7 years. This, Mr Chairman, Sir, is far too heavy a burden for a school teacher to tackle. Just imagine that in the case of a mother of 3 or 4 children of her own, who knew the minds of each of them since they were born but still could hardly take care of them all. So, we see how difficult it is to teach and look after 50 to 60 school children of different parents and surroundings.

Mr Chairman, Sir, in most cases, the children of educated parents in urban areas usually have broader minds than those children of uneducated parents in the rural areas. Besides this, the children have golden opportunities of joining Kindergarten schools and enjoying all the educational facilities provided to them. These are the few main reasons why the rural school children cannot catch up with the school children in the urban areas. Therefore, Mr Chairman, Sir, I appeal to the Government to look into this matter.

Mr Chairman, Sir, at present, the Government only accepts 30% of the primary VI pupils to the Government and Government-Aided Secondary schools in Sarawak. Now, I take this

opportunity to request the Government to increase the percentage from 30% to 40%.

Mr Chairman, Sir, Education Allowances: since other Aided School teachers also educate, mould and shape our children in a proper manner and bring them up as good citizens of our nation, and as they are doing and working for the benefit of our people, I, therefore, feel deeply that there should be no distinction whatsoever regarding treatment between Government, District Council and other Aided School teachers. I, therefore, strongly appeal to the Government that the education allowances should also be payable to other Aided School teachers. Mr Chairman, Sir, thank you.

Tuan Pengerusi: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama lima belas minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.15 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.30 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatan-kuasa
Perbekalan)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan) (dengan izin): Mr Chairman, Sir, I support the allocation of Heads B. 15, 16 and 17 under the Ministry of Education. I would like to take this opportunity to thank the Minister of Education for all that he has done for my constituency of Bagan. I would now like to touch on page 174 under "Organisation of Schools".

Sir, a National-type secondary school has been constructed in the constituency of Bagan to house the Bagan Ajam Secondary School, which for the last two years has been sharing school with Sekolah Dato Onn in Butterworth. When this school building was completed in December, 1968, this school was supposed to have shifted to this new building on the re-opening of the school on the 6th of January, 1968. But, I regret to say, Sir, that while everything was ready, the School Board was told that the chairs for the school

could not be ready as the tender for the supply of chairs was approved very late by the Ministry in Kuala Lumpur, and the chairs could only be ready in March, 1969. Sir, I really cannot understand why the tender for the supply of chairs should wait for Kuala Lumpur to give their approval, whereas this could be dealt with by the State Education Department. Sir, this would mean that this Bagan Ajam Secondary School would have to share the building for yet another three months with Sekolah Dato Onn, thereby causing a lot of inconvenience to both the schools and to the thousands of children attending these two schools. Sir, I see that electric installations have not yet been fitted to this new building. I request that both the chairs as well as the electric installations be made ready for this school to enable it to shift to its new building without too much delay.

Sir, I would like also here to touch on "Administration", page 173. Many female teachers have got married since they joined the service, and many of them have applied for transfers to join their husbands. Although a few such applications have been successful, I am told that some have waited even for two years without much success. Sir, I recently came across the case of a young teacher who got married in August, 1968 to a female teacher who is attached to a school in Perak. This young teacher was so desperately anxious to get his wife transferred to Penang that he in fact, called at the Ministry of Education several times and harassed almost every one in the Department to help him to get his wife transferred. This young teacher finally came to me and told me his woes. Sir, I could see how anxious he was to get his wife back to Penang. I am quoting this as a case to show the Minister how hard and cruel it is to separate, especially newly married couples (*Laughter*) and I would urge him, as far as possible, to give every humane consideration to such applications. Thank you, Sir.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, dengan beberapa ringkas-nya saya berchakap dibawah Kementerian ini, berpandukan kapada Command Paper Nombor 4.

Tuan Pengerusi, pada tahun ini-lah saya suka menyatakan terima kasih saya kepada Menteri ini, oleh kerana pada tiap² tahun saya-lah salah sa-orang daripada orang² yang marah sangat kepada Kementerian ini, tetapi pada tahun ini nampak-nya Kementerian ini dapat menjunakkan usaha² yang elok, tetapi ada benda² yang saya rasa patut saya chakapkan di-sini.

Yang pertama, Tuan Pengerusi, satu masalaah yang besar dalam masharakat kita ia-itu berkenaan dengan tulisan Jawi di-sekolah². Pada masa ini tulisan Jawi boleh di-katakan sudah tidak diajar lagi di-dalam syllabus, yang ada-nya ia-lah di-ajar oleh Guru² Ugama di-ketika hendak menulis beberapa perkataan Arab, tetapi tidak ada yang saya tahu pelajaran menuli Jawi ini tidak ada langsung. Imi, Tuan Pengerusi, tentu-lah akibat-nya akan besar, saya rasa Yang Berhormat Menteri kita tentu-lah kalau hendak menjadi Menteri lagi sa-kali tentu-lah dia memikirkan lebeh panjang dalam perkara ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, di-muka 104 ia-itu "Hostel". Ada satu kejadian yang saya tahu boleh jadi ada banyak lagi yang saya tidak tahu, yang saya tahu ini sudah di-aku² oleh Yang Berhormat Menteri kita dan saya memberi terima kasih kerana dia telah mengambil tindakan yang segera. Kedudukan-nya bagini, Tuan Pengerusi. Satu perkara telah berlaku di-Hostel Sulaiman School di-Bentong, kemudian daripada itu pelajar² yang dudok di-situ di-champorkan kesemua bangsa. Bila di-champorkan kesemua bangsa pada asal-nya chara² makanan dan begitu bagini di-ator dengan baik, bila di-champor begitu tentu-lah kedudukan-nya itu lebeh susah.

Saya perchaya benda ini ada berlaku di-tempat lain lagi dan saya harap Menteri membuat penyiasatan supaya perkara ini tidak berlaku lagi.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, Religious Education ia-itu Pengajian Ugama. Pengajian Ugama saya hanya hendak tumpukan ia-lah kepada Muslim College. Tuan Pengerusi, Muslim College ini pada mula-nya ia-lah sa-buah college yang di-chadangkan hen-

dak membawa kepada taraf universiti—sa-bagai universiti college, tetapi sekarang ini sekolah ini sudah menjadi sekolah H.S.C. Bila pelajar² yang hendak masuk di-situ lebeh ketat daripada sekolah² yang lain ia-itu kalau sa-orang murid itu lulus L.C.E. mendapat pangkat B dia tidak berpeluang lagi menyambung pelajaran di-situ kechuali kalau mendapat A. Apa-kah kesemua pelajar² kita ini sanggup hendak mendapat grade A kesemua tentu-lah tidak munasabah, dan baharu² ini telah keluar dalam surat khabar dan saya perchaya Menteri kita dapat mengambil tindakan dengan segera. Tuan Pengerusi, saya pun rasa pelek juga Muslim College ini hendak di-tujukan di-mana kalau pelajar² H.S.C. itu hendak di-tujukan atau pun hendak di-bawa ka-Universiti Malaya maka College itu atau sekolah itu tidak-lah mustahak di-namakan Muslim College, boleh-lah di-namakan sekolah kebangsaan H.S.C.-kah, menengah atas-kah, begitu bagini. Apabila kita namakan Muslim College tentu-lah pelajaran²-nya itu di-tumpukan kepada perkara² yang kena mengena dengan konsep Islam, bukan-lah general education atau pun pengetahuan umum. Kalau kita hendak membuat pengetahuan umum tidak ada halangan tetapi bukan di-situ—bukan di-Muslim College. Ini, Tuan Pengerusi, akan hilanglah pengajaran Islam di-negeri ini ia-itu satu ugama yang menjadi ugama rasmi. Tuan Pengerusi, bukan-lah oleh kerana Islam itu menjadi ugama saya maka saya hendak berchakap banyak di-sini, kebetulan pula saya daripada Parti Islam, tetapi masalaah-nya di-negeri kita ini tidak ada satu college yang mengajar ilmu ugama yang tinggi oleh kerana apabila kita tidak mempunyai sa-buah sekolah yang tinggi bagini kita besok² akan menemui krisis moral atau pun akhlak sebab itu-lah kita memerlukan sa-buah sekolah yang tinggi.

Saya dengar tadi ada sa-orang di-sabelah sana Nilam Puri atau pun apa, Tuan Pengerusi, ini ada-lah satu sekolah yang di-buat di-negeri Kelantan yang di-usahakan oleh satu badan Semi Kerajaan dan tidak-lah saya hendak membawa dalam perkara ini. Saya beberapa kali dengan tidak resmi menjemput Yang Berhormat Menteri ini pergi melawat kalau² Menteri ini boleh

memberi satu fikiran atau pun bantuan, bukan pehak sekolah ini tidak mahu bantuan. Kalau Menteri ini suka pergi besok pun saya boleh mengiring Menteri ini boleh pergi.

Tuan Mohamed Khir Johari: Lepas pilihan raya (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, kalau lepas pilihan raya tidak mustahak lagi (*Ketawa*) sebab masa itu saya sebok hendak menjawab soalan² pada masa itu. (*Ketawa*) Jadi ini, Tuan Pengerusi, satu perkara yang amat menyedehkan. Dalam pada itu pun ada satu perkara juga yang baik yang di-lakukan oleh Kementerian ini berhubung dengan pendidikan agama ia-itu Kementerian ini telah pun berusaha supaya pelajar² mengambil sijil F.M.C. kalau mereka itu hendak keluar negeri atau pun hendak pulang. Ini, Tuan Pengerusi, satu perkara yang baik oleh kerana kalau pelajar² di-negeri kita ini pergi keluar negeri hendak mengaji ilmu *theosophy* atau *jurisprudence* atau pun apa² lagi *theology* di-dalam satu² agama yang asas mereka itu tidak mempunyai pelajaran umum sampai kepada tingkat F.M.C. maka orang² ini apabila balek amat-lah susah kita hendak berkira dengan-nya, sebab kita dapat tahu baharu² ini kongres Islam akan di-adakan di-negara kita ini belum lagi kongres itu berlaku sudah sebok negeri kita ini berkira fasal hendak puasa dengan hisab, hendak berpuasa dengan ro'ya' tengok bulan, yang menjadi masalaahnya orang² yang mengambil forum dalam membahathkan perkara ini tidak mempunyai ilmu asas dari segi pengetahuan agama-nya dan ada pula yang bertanya apa-kah langit ini jadi daripada batu zamrud pun ada yang bertanya. Jadi hukum² Islam itu payah sangat kita hendak faham di-situ dapatlah saya menerima kaseh kepada Menteri ini dan saya berjanji kepada Tuan Pengerusi, kalau Menteri kita kalah sa-kali pun sudah tentu dia akan diambil menjadi penasihat Kementerian (*Ketawa*).

Berkenaan dengan muka 105, Tuan Pengerusi, ia-itu Higher Education ia-itu Pengajian Tinggi kita. Saya hendak berchakap sedikit sahaja berkenaan dengan Agriculture College dan Techni-

cal College. Memang benar, Tuan Pengerusi, amat-lah susah kita hendak mengadakan Maktab Tanaman dan juga Maktab Teknik kerana perbelanjaannya banyak. Tetapi tidak-kah boleh Kerajaan berurus dengan pehak sendirian ia-itu private sector supaya kita mengadakan lebih banyak lagi Technical College atau sa-kurang²-nya Junior Technical College. Ini amat penting bagi negeri yang membangun, saya tidak nampak satu usaha yang di-buat untuk ini. Dan berkenaan Agriculture College saya dapat tahu ada pelajar²-nya yang bukan lulus L.C.E. pernah masok pereksa L.C.E. dan di-benarkan masok di-dalam college ini saya tidak tahu tingkat mana tetapi saya tengok syllabus itu budak F.M.C. pun barangkali hendak menghadap-nya payah. Bagaimana budak yang lulus L.C.E. boleh di-terima dan medium of instruction ya'ni saloran budak yang datang itu pun bahasa pengantar-nya bahasa Melayu yang mengajar di-situ bahasa pengantar-nya bahasa Inggeris guru²-nya ada Jepun, ada itu ada ini, sa-lain Jepun, Inggeris itu pun sudah memeningkan kepala budak² itu. Ini, Tuan Pengerusi, saya tidak tahu ada-kah Menteri kita ini sudah membuat penyiasatn dalam masalaah ini.

Yang akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, tiap² tahun kita akan melihat pelajar² keluar daripada sekolah tidak kurang daripada 200,000 sama ada L.C.E. atau pun F.M.C. yang terbit daripada sekolah sama ada tidak mampu atau pun kerana tidak lulus. Saya tidak tahu ada-kah Kerajaan membuat apa² usaha untuk meneruskan pelajaran orang ini. Yang saya maksudkan bukan-lah membuat sekolah lagi tetapi kita boleh mengadakan vocational education—sekolah bermacham² bagi budak² yang mendapat taraf C di-dalam L.C.E. Banyak pada tahun ini budak² yang tidak dapat menyambong pelajaran F.M.C. oleh kerana taraf mereka itu hanya mendapat L.C.E. pangkat C. Baharu² ini Yang Berhormat Menteri kita pergi ka-Paris. Saya yang sa-benar-nya pada masa itu menunggu di-Lebanon di-Beirut hendak menyertai Yang Berhormat Menteri ini pergi ka-Paris sidang UNESCO kerana ada perkara² yang saya fikir saya boleh

membantu Menteri ini (*Ketawa*) membuat kerja itu dan lagi pula menunggu di-Beirut, di-Lebanon itu tidak-lah menyusahkan saya kerana tempat itu lapang sedikit dada-nya ia-itu ada perkara² yang di-sentoh berkenaan dengan education dan ketuhanan. Satu daripadanya pehak Yahudi telah men-chetak Qur'an yang sudah di-putar belitkan dan Qur'an ini sudah di-ke-mukakan menjadi satu agenda. Saya telah sedikit sa-banyak membuat perhubungan dengan Kedutaan kita di-Cairo dan perkara ini sudah di-katakan di-ambil tindakan di-beri tahu kepada Kementerian Pelajaran.

Saya tidak tahu sama ada Kementerian ini dapat apa² ma'alumat atau pun sudah di-bahath perkara itu amat-lah tidak baik, Tuan Pengerusi, sa-lain daripada segi uama tetapi dari segi sa-buah kitab suchi yang satu uama lain tidak perchaya mereka itu meminda dan kita berdiam diri. Kalau sa-kira-nya Bible sa-kali pun kepunyaan Keristian di-pinda oleh Jew (Yahudi) tentu-lah orang² Keristian bangun dan menuntut pehak yang benar supaya di-lakukan, tetapi Menteri kita pergi boleh jadi tiada ada dalam kepala-nya pergi kosong dan balek kosong dan tidak ada sa-barang kenyataan. Ini menambahkan marah lagi puak² Arab kepada negeri kita. Sudah-lah Arab ini kalah perang dengan Yahudi kita pula tidak mahu menolong bagi rangan sedikit hamba allah itu, jadi, ini satu perkara yang amat-lah memalukan, Tuan Pengerusi. Saya kata patut kita mengurangkan bebanan orang² Arab ini kerana orang² Arab ada 100 million bertentang dengan Yahudi 2½ million pun kalah, kalah dengan tank-nya, kalah dengan kapal terbang-nya, kalah dengan kambing-nya semua lari. Jadi, dalam perkara ini tentu-lah ada kuasa² besar memainkan dalam perkara itu, maka Menteri kita tidak pun membuat sesuatu.

Penutup-nya, Tuan Pengerusi, ada lagi satu ia-itu berkenaan dengan kawasan saya sendiri. Sekolah² alhamdullillah buat dengan rumah batu dan saya pun apabila Menteri ini pergi buka sekolah saya tunggu, saya sambut, saya tunggu sampai akhir. Dan satu benda yang berlaku, Tuan Pengerusi, ia-itu pada masa itu orang² UMNO

bukan Menteri ini, Menteri ini baik, (*Ketawa*) orang² UMNO pergi hadiah kapal layar di-hadapan saya, (*Ketawa*) kapal layar itu jatuh pechah (*Ketawa*), maka Menteri ini mengata pada saya, saya jampi. Saya tidak jampi, memang kapal itu hendak jatuh pechah. (*Ketawa*). Jadi, di-sekolah tepi itu, ini, Tuan Pengerusi, berlaku betul, saya angkat Qur'an pun berani bersumpah benda ini (*Ketawa*). Sekolah itu alat² sains-nya sudah len kap dan saya puji tetapi sekolah Inggeris-nya sudah di-buka pada tahun 1956 apa sebab saya tidak tahu Menteri ini sudah dua kali menjadi Menteri Pelajaran tak berani pergi buka sekolah itu. Pehak Jawatan-kuasa itu termasuk saya sa-kali Lembaga Pengelola itu, orang ini mendesak saya mengatakan apa fasal Yang Berhormat ini wakil ra'ayat ini tidak mahu berkira dengan Menteri Pelajaran datang membuka sekolah, rupa²-nya alat² sains tidak chukup di-sekolah itu, Menteri ini takut hendak pergi, bila takut perchaya-lah, Tuan Pengerusi, tahun 1969 ini saya menang lagi (*Ketawa*).

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Dato' Pengerusi, saya suka mengambil bahagian sedikit berhubung dengan Menteri Pelajaran, menyokong atas Anggaran Perbelanjaan yang di-tuntut yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri. Saya berchakap pada muka 212 Kepala Kechil 8 Bantuan kepada Sekolah² Ugama Ra'ayat telah pun dahulu saya nyatakan sa-kali ini lagi sa-kali saya meminta dan mengeshorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya Guru² Sekolah Ugama Ra'ayat ini di-ambil aleh oleh Kerajaan dengan wang yang di-untokkan sa-banyak \$638,784 ini kita terus bagikan menjadi gaji Guru² Ugama Ra'ayat di-seluruh Malaysia ini. Dengan tidak payah lagi ibu bapa kanak² yang belajar di-sekolah Ugama Ra'ayat ini membayar pada tiap² bulan.

Yang Kedua, Tuan Pengerusi, pada muka 214 Kepala-kechil 20 Dewan Bahasa dan Pustaka, Saya berasa dukachita estimate yang di-bagi pada tahun ini sangat-lah berkurangan daripada tahun yang sudah ia-itu chuma \$1,800,000 sahaja. Rasa saya tentu-lah Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

yang baharu susah hendak menjalankan tugas bagi melaksanakan chita² kita menjadikan Dewan Bahasa dan Pustaka ini untuk mengeluarkan segala buku² sama ada yang hendak di-chetak yang hendak di-terjemahkan bagi mensesuaikan Bahasa Kebangsaan yang menjadi Bahasa Rasmi di-tanah ayer kita. Jadi, saya minta-lah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana bertambah kurang perbelanjaan yang di-untukkan ini supaya dapat sa-kurang²-nya saperti pada tahun yang sudah.

Dato' Pengerusi, pada muka 214 Kepala-kecil 21 Universiti Malaya yang telah di-peruntukkan sa-banyak \$20 juta. Saya minta Yang Berhormat Menteri dapat mengishtiharkan dalam Dewan ini tempat Universiti Kebangsaan yang akan kita bena sedikit masa lagi. Saya mengshorkan tempat yang patut di-bena ia-lah di-Federation Camp ia-itu Terendak Camp di-Melaka di-sebelah Terendak Camp itu, kerana telah beberapa kali saya chakap Melaka negeri tua selalu ketinggalan tidak ada satu pun tempat yang hendak di-jadikan tempat saperti di-bandar Kuala Lumpur ini ada bermacam² Universiti. Ini-lah harapan saya supaya dapat Yang Berhormat Menteri mengishtiharkan tempat kawasan Universiti Kebangsaan itu kalau boleh biar-lah di-Melaka. Terima kaseh.

Tuan Ganing bin Jangkat (Sabah): Saya bangun ambil bahagian mengalu²-kan dan menyokong Belanjawan yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang ada di-hadapan kita ini. Tuan Pengerusi, saya berchakap B (17) Muka Surat 221 Pechahan-kepala 49 Pertolongan Pelajaran bagi Penuntut² Bumi Putera.

Tuan Pengerusi, dengan ada-nya bantuan bagi pelajaran² bumiputera ini di-sini suka saya beri penerangan supaya Yang Berhormat Menteri sedar bagaimana sukar-nya murid² bumiputera yang belajar dalam sekolah Kerajaan yang Mata Pelajaran-nya diajar dalam Bahasa Kebangsaan (Melayu). Terutama alat² mengajar buku² bacaan dan lain² lagi sangat² kekurangan di-seluruh Sabah dengan sebab itu-lah, Tuan Pengerusi, banyak murid² darjah VI di-sekolah² Kerajaan

yang Mata Pelajaran penghantar-nya Bahasa Kebangsaan (Melayu) tidak lulus dalam peperiksaan baharu² ini. Oleh itu penoh-lah harapan saya supaya hal itu dapat di-atasi oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang suka saya kemukakan pada Yang Berhormat Menteri ia-itu, dengan ada-nya pertolongan pelajaran bagi penuntut² bumiputera ini, saya harap pelajar² bumiputera yang berkelayakan dari Sabah di-tambah lagi banyak-nya dihantar keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Pengerusi, dalam mengalu²kan Anggaran Belanjawan Kementerian Pelajaran ini, saya suka berchakap sedikit saja untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri Pelajaran. Yang pertama berkenaan dengan keperluan penuntut² yang telah lepas sekolah yang makin hari semakin banyak dan sedang di-perbincangkan bahawa jumlah penganggoran akan banyak di-negara kita ini. Saya membawa perkara ini untuk perhatian Yang Berhormat Menteri, supaya dapat mencharikan satu formula ia-itu, tiap² penuntut yang lepas daripada sekolah tidak-lah mereka ini akan bertumpu kepada satu lawangan atau satu lapangan pekerjaan sahaja umpama ramai² bertumpu kepada makan gaji kepada Kerajaan atau yang serupa sa-bagai itu. Apa yang saya nampak kerana hal² yang bersangkutan paut dengan pelajaran yang hendak memberi pelajaran kepada manusia mendapat perkara² yang patut di-kerjakan atau di-usahakan sa-telah mereka ini belajar nampak-nya tidak di-centralize-kan atau tidak di-pusatkan kepada penyelidikan yang sa-benar. Umpama-nya Kementerian yang lain, Kementerian Pertanian atau Perikanan ada juga membuka pusat² pelajaran, tetapi kalau kita perhatikan daripada segi hendak mendidik manusia sa-hingga dapat mencapai taraf pelajaran yang dapat di-gunakan, maka ada sa-tengah²-nya kita nampak sekarang ini sa-bagai tempat untuk melihat sambilan² dan menyiasat perkara ini dengan tidak mendalam. Jadi, umpama-nya sekarang ini murid² yang

tamat Sijil Persekolahan sama ada dengan aliran Inggeris atau pun dengan aliran Bahasa Kebangsaan mereka akan tertunggu² hanya kepada satu tempat, kerana pelajaran yang didapati oleh mereka ini tidak seimbang dengan apa yang patut di-usahakan, hendak masok ka-dalam lapangan perdagangan mereka ini kurang dalam pelajaran² yang di-kehendaki, hendak masok kepada pertanian mereka ini baharu sahaja agak² perkara ini susahkah, begitu dan bagini dengan tidak ada belajar atau tidak ada pelajaran yang bagini. Jadi, saya rasa pada masa akan datang ini lebih baik-lah kita tiap² Kementerian yang bersangkutan berkenaan dengan hal hendak mengadakan manusia yang bekerja pada masa akan datang sama ada daripada Kementerian Buroh, Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan ini di-satukan atau di-tubuhkan satu badan pengkaji dan usaha² untuk melaksanakan hal² pelajaran ini patutlah di-samakan atau di-arahkan daripada arahan daripada Kementerian Pelajaran yang saya rasa di-dalam Kementerian Pelajaran ini-lah yang banyak sa-kali orang² yang mengetahui bahawa manusia ini boleh di-chorakkan menjadi manusia yang berguna kepada tempat² yang tertentu.

Saya suka mengulang balek perkara rayuan yang telah saya kemukakan pada tahun² yang lalu ia-itu tidak-kah boleh di-adakan Tingkatan (VI) aliran Melayu di-Melaka. Jadi, saya dapati kalau hendak di-chari tempat Tingkatan (VI) dalam pelajaran Arts di-mana² sahaja sekarang ini di-Melaka boleh di-pilih, kerana sekolah² menengah kebangsaan yang telah lengkap dengan perkakas² atau alat² untuk menyampaikan pelajaran Tingkatan (VI) ini boleh, sedangkan asrama pun bertabor ada sekarang ini di-sekolah² menengah kebangsaan, yang saya harap dapat di-usahakan pada masa akan datang.

Saya nampak makin lama kita menunggu akan Tingkatan (VI) ini haruslah makin jauh tujuan kita hendak membanyakkan penuntut² aliran Bahasa Kebangsaan ini dapat masok ka-universiti yang kita harap-kan itu. Jadi, saya rasa tentu-lah bagi pehak

Menteri ini akan bertimbang rasa pada rayuan saya—saya ulang sa-kali lagi supaya dapat Yang Berhormat Menteri mengadakan dalam masa yang akan datang, tetapi tahun ini nampaknya tentu-lah tidak ada. Sebab saya tahu budak² yang tamat daripada Melaka kena berpindah ka-Muar ka-Sekolah Dato' Sri Amar di-Raja untuk mengaji pelajaran yang saya maksudkan tadi. Jadi, saya rasa patut-lah bagi pehak Menteri Pelajaran dapat menyiasat perkara ini. Kalau kurang guru, saya rasa perkara ini boleh disusun daripada sekarang. Saya nampak di-Melaka guru² yang berkelulusan yang mempunyai ijazah universiti atau diploma dalam hal pelajaran mereka banyak bertumpu pada satu² pusat, kadang² lebih guru di-sekolah itu, yang saya tidak usah sebutkan sekolah itu, tetapi saya tahu ada tempat²-nya lebih, tetapi di-sekolah² yang patut dapat hanya sa-orang dua. Ada tahun yang pertama di-hantar sa-orang, tahun yang kedua orang ini di-chabut, kemudian di-hantar orang baharu sa-orang. Dan saya rasa kalau ini berlaku juga lagi tentu-lah hendak melengkapi sa-bagai sa-buah sekolah menengah yang hendak mengeluarkan penuntut² yang baik saya rasa tentu-lah lambat. Jadi, ini-lah pandangan saya. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi pandangan. Terima kaseh.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Pengerusi, saya sedikit sahaja hendak membuat satu pandangan berkenaan dengan Pechahan-kepala 20, Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya harap, Tuan Pengerusi, Dewan Bahasa dan Pustaka dapat mengotor satu chara dapat membekalkan text-book kepada sekolah² diseluruh tanah ayer kita dengan sa-chukup-nya. Mengikut pengalaman saya dan saya mendapat rayuan daripada ibubapa pada tahun ini, banyak text-book yang patut di-pelajari pada tahun ini, tidak dapat di-beli oleh murid² di-sekolah² tempat mereka belajar, kerana sekolah² itu tidak ada menjual dengan cukup-nya kepada murid², ini text-book ini. Jadi saya rasa kalau dapat Dewan ini, sa-belum habis tahun, ia-itu masa bulan Mei

atau bulan Jun, mendapatkan bilangan² anggaran, berapa-kah text-book yang patut di-adakan pada tiap² sekolah. Dengan ini-lah saya rasa dapat ibubapa dengan senang-nya membeli buku² ini.

Apa yang terjadi di-tempat saya, Tuan Pengerusi, ia-itu oleh sebab tidak ada text-book di-sekolah itu, mereka terpaksa menchari ka-bandar², tetapi oleh sebab tempat saya itu, Temerloh, bandar yang kecil, ibubapa terpaksa datang ka-Kuala Lumpur. Apabila datang mereka ka-Kuala Lumpur, dengan satu daftar buku² sekolah itu, di-Kuala Lumpur ini ada banyak pengeluaran tahunan, yang lama yang mungkin ibubapa tidak mengambil fahaman. Ada penjual² ini, kerana mereka hendak melariskan buku yang lama itu di-jual-nya buku² pengeluaran yang telah lama, tetapi tidak text-book yang baharu, dan bila dia bawa balek ka-sekolah, guru itu mengatakan buku ini bukan pengeluaran yang baharu sa-kali.

Jadi, saya harap kalau dapat satu chara kita usahakan, untuk kemudahan ibubapa membeli text-book ini dan membeli text-book yang betul bagi anak² mereka pada tiap² tahun. Tidak payah bagi mereka macham dari Temerloh hendak datang ka-Kuala Lumpur kerana membeli text-book yang berharga \$30-\$40 menghabiskan wang begitu banyak masa datang ka-Kuala Lumpur. Itu-lah rayuan saya kepada Yang Berhormat Menteri kalau dapat di-uruskan perkara ini.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Pengerusi, saya suka mendapat penjelasan daripada Menteri Pelajaran berhubung dengan hadiah pelajaran tinggi, sa-bagaimana yang telah di-ucapkan oleh Menteri Kewangan mengatakan bahawa dalam langkah berjimat yang akan di-jalankan pada masa hadapan ini, maka hadiah pelajaran tinggi ini akan ditukar daripada bantuan penoh kepada pinjaman.

Tuan Pengerusi, kalau tidak salah fahaman saya, dan kalau salah harap di-betulkan, kalau benar-lah ini berlaku, maka saya rasa amat-lah mendukachitakan kepada bumiputra atau pun penuntut² Melayu di-negeri ini. Kerana kita tahu bahawa penuntut² Melayu kebanyakan-nya miskin dan apakala mereka dapat melanjutkan ka-universiti atau pun ka-sekolah tinggi terpaksa pula mereka meminjam wang daripada Kerajaan atau pun daripada Kementerian Pelajaran sudah tentulah akan melemahkan semangat penuntut² Melayu itu. Sebab suatu masaalah yang ada di-hadapan kita ia-lah mithal-nya penuntut itu sudah dapat masok ka-universiti, kemudian dia tidak lulus di-dalam peperiksaan tahun yang pertama mithal-nya. Bagaimana-kah wang yang di-pinjam-nya itu hendak di-bayar balek? Kalau penuntut itu boleh lulus dan boleh dapat kerja maka sudah tentu-lah pinjaman-nya itu senang akan dapat di-bayar balek. Jadi soal ini saya ingin mendapat penjelasan daripada pehak Menteri Pelajaran bagaimana-kah chara²-nya untuk mendapat pinjaman ini dan apa-kah sharat²-nya pula.

Tuan Pengerusi, sa-lain daripada itu, saya ingin menyatakan bahawa mengikut di-dalam Summary Budget ini telah mengakui bahawa pehak Kementerian Pelajaran maseh lagi kekurangan guru sains dan guru mathematics dan ini juga menjadi satu masaalah dan menjadi suatu tanda tanya kepada ibu bapa. Sekarang ini mereka sudah berterima kaseh kepada Menteri Pelajaran yang telah membanyakkan sekolah² menengah di-merta² tempat atau pun merata² daerah di-seluruh tanah ayer kita ini. Tetapi yang menjadi masaalah-nya itu-lah soal alatan sains atau pun guru sains-nya tidak chukup dan guru mathematics-nya sahinggakan ada sa-tengah ibu bapa yang telah mengikuti di-dalam soal pelajaran ini mereka mengatakan sapatut-nya-lah sekarang ini pehak Menteri Pelajaran membuat kajian supaya sekolah menengah ini tidak di-tambah lagi. Bila saya menyebut ini bukanlah berarti-nya saya tidak bersetuju

bahawa sekolah menengah ini ditambah lagi, tetapi apa yang saya maksudkan dan apa yang ibu bapa maksudkan supaya sekolah² menengah yang sudah ada itu hendaklah dilengkapi terlebih dahulu, sa-sudah sekolah ini dilengkapi semua sekali, maka baharu-lah di-fikirkan semula untuk mendirikan bangunan² tambahan lagi. Sebab mereka mengatakan kalau banyak pun sekolah menengah rendah kebangsaan atau pun menengah atas ini tetapi kalau tidak cukup alatan dan tidak cukup gurunya, maka hasil atau pun *percentage* kelulusan-nya itu belum-lah memuaskan. Jadi, ada baik-nya di-lengkapi bangunan², guru², alatan² di-mana sekolah² itu telah berada.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, di-Besut, di-kawasan saya, saya terima kaseh kepada Menteri Pelajaran, sudah banyak sekolah menengah di-dirikan di-Kampung Buloh, di-Gua Mering dan akan di-dirikan lagi di-Kuala Besut mungkin di-Pasir Akar dan yang sudah ada di-Jalor Lintah. Tetapi yang menjadi masalaah-nya sekarang ini dan saya meminta supaya Menteri Pelajaran mengambil perhatian dan tindakan mithal-nya di-Kampung Buloh suatu tempat yang penuntut²-nya itu datang daripada tepi pantai yang miskin dan bangunan sekolah-nya sudah ada tetapi asrama-nya atau pun hostel-nya belum ada. Jadi, itu-lah ibu bapa di-sana harapkan supaya asrama-nya di-dirikan sahcepat mungkin.

Dan akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan juga daripada Menteri Pelajaran, apa yang saya dapat tahu dan saya yakin bahawa Menteri juga sudah tahu sebab beliau sendiri Yang Berhormat Menteri telah pergi buka Sekolah Menengah di-Indra Segara di-Alor Lintang, Besut itu. Apa yang saya dapat tahu bahawa di-sana sudah ada workshop dan sudah ada *machine* di-situ dan sudah di-hantar *machine* itu beberapa tahun tetapi *machine* itu tidak dapat di-gunakan. Mereka berkata kalau di-biarkan dengan keadaan begitu maka *machine*

itu pun akan berkarat, rosak, begitu sahaja. Jadi, saya harap dapat tahu apa-kah sebab-nya *machine* itu tidak dapat di-gunakan lagi dan bila-kah masa-nya *machine* ini dapat di-gunakan.

Tuan Hussein bin Sulaiman (Ulu Kelantan): Tuan Pengerusi, saya suka juga berchakap dalam Kepala Bekalan Kementerian ini dalam dua tiga perkara. Yang pertama ia-lah hal nama sekolah. Jadi untuk menyamakan bagaimana chadangan Yang Berhormat Menteri hendak menyamakan pakaian sa-ragam untuk murid² sekolah maka begitu juga-lah nama² sekolah di-dalam Malaysia ini hendaklah di-saragamkan, tidak pakai nama yang ada di-sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan lagi memadaï-lah dengan nama Sekolah Rendah Hamzah mithal-nya di-Kuala Krai, Sekolah Rendah Chung Hua atau Sekolah Menengah Thambipillai. Ini dengan sendiri-nya akan menghapuskan semangat perkauman. Pada masa ini ramai kanak² China masok sekolah Melayu dan ramai pula kanak² Melayu masok sekolah China; nama sa-ragam ini-lah lebih penting daripada pakaian sa-ragam yang di-chadangkan oleh Yang Berhormat Menteri pada seluroh sekolah² di-Malaysia.

Yang kedua suka saya menyentuh dalam hal alatan yang di-beri kepada sekolah², ia-itu alatan² pertukangan yang kita tahu yang di-beri kepada sekolah menengah rendah, alat²-nya sangat mahal dan saya fikir ini adalah satu benda yang membazir. Alat² itu harus di-tarek balek dan di-tempatkan di-sekolah² *vocational* yang sa-benar-nya menggunakan alat² ini bukan di-sekolah menengah rendah bagaimana tujuan Kementerian itu. Kerana tujuan-nya lebih membesarkan soal academic seperti L.C.E. daripada pertukangan yang ada di-dalam Sekolah Menengah Rendah, dan lagi Che'gu² di-dalam Sekolah Menengah Rendah ini tidak cukup, boleh di-katakan tidak ada. Oleh itu alatan² itu saya rasa pada akhir-nya akan menjadi sesia dan rosak sahaja.

Dan yang ketiga saya suka juga-lah menyentuh soal tugas dan kuasa² Lembaga Pengurus/Pengelola Sekolah² di-Malaysia Barat khas-nya sangat² tidak memuaskan. Sa-tengah² sekolah dapat kerjasama yang baik daripada guru² dan daripada pegawai² Jabatan Pelajaran Negeri, dan kebanyakan tugas yang biasa di-jalankan oleh Pengelola atau pun Pengurus Lembaga ini ia-lah chuma menjadi sa-bagai tukang sain chek sahaja atau pun sa-bagai sa-orang pegawai atau pun sa-orang penshariah yang memberi ucapan di-dalam mana² upacara yang berhubung dengan sekolah. Patut-lah juga saya rasa di-adakan kursus² kepada Pengerusi² dan juga pehak² yang berkenaan dalam bidang menyimpan kira² supaya mereka ini tahu menjaga kira² dan supaya mereka ini tahu memeriksa kira² kalau dia itu sa-bagai Pengerusi di-sekolah itu. Sebab-nya banyak kejadian telah berlaku berhubung dengan pechah amanah yang sering terjadi di-kalangan Guru² Besar yang mana Pengurus chuma meluluskan bayaran dengan tidak sedar bahawa perkara itu atau bayaran itu di-reka oleh pehak yang tertentu untuk mendapatkan kepentingan diri-nya.

Soal yang ke-empat saya suka juga-lah menggesa pehak Yang Berhormat Menteri mengambil alih semua sekolah² ra'ayat di-Kelantan dan juga guru² ra'ayat yang sedang mengajar di-sekolah² bantuan penoh Kerajaan, supaya di-beri peluang memanjangkan perkhidmatan-nya, sa-hingga dapat jaminan hidup atau pun satu *ultimatum*, ia-itu peluang akhir bagi-nya berkhidmat tidak-lah sa-bagaimana yang di-siarkan dalam surat pekeliling daripada Pegawai Pelajaran.

Dan yang akhir-nya, saya suka juga menyebutkan supaya pehak yang berkenaan, Menteri yang berkenaan, mengambil berat di-atas sekolah² chawangan yang ada di-seluruh negeri, khas-nya, di-Ulu Kelantan, patut-lah di-beri pertimbangan supaya sekolah ini diberikan kemudahan seperti mendirikan bangunan, bagaimana maksud dan tu-

juan asal yang telah di-chadangkan pada masa dahulu. Jadi, nampak-nya sa-tengah² bangunan ini telah burok dan tidak dapat di-gunakan, maka saya berseru-lah kepada pehak yang berkenaan supaya memberi bantuan mengadakan bangunan bagi sekolah² chawangan ini. Sekian.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya tidak hendak berchakap panjang dalam masa-alah pelajaran ini, chuma saya ucapkan terima kaseh banyak kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang telah mengishtiharkan bahawa sa-nya University Kebangsaan akan di-mula² pada tahun 1970.

Tuan Pengerusi, di-dalam Budget ini, saya sendiri menyokong sa-penoh-nya, tetapi walau macham mana pun Kementerian Pelajaran ada-lah satu Kementerian yang banyak masaalah yang timbul, boleh-lah kita katakan berlaku masaalah dalam masaalah. Ia-nya berkembang mengikut perkembangan, kezahiran anak² di-negara kita ini. Jadi, tentu-lah sa-tiap tahun masaalah pelajaran ini terpaksa di-kemukakan bagi membaiki dengan tujuan-nya lebeh sempurna dan lebeh baik pada masa yang akan datang, ia-itu bersempena dan berselaras dengan kemajuan dan perkembangan ra'ayat di-negeri ini.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana dalam ucapan saya yang dahulu, saya memohon pertimbangan dalam dua masa-alah. Pertama penambahan Form IV, Tingkatan IV di-perbesarkan, bila mana di-bandingkan dengan penuntut makin saban tahun, saban hari semakin bertambah; jadi quota di-letak itu maseh di-tempat yang lama. Jadi kalau kita buka dengan lebeh banyak maka peluang anak² kita dalam Tingkatan III berpeluang ka-Tingkatan IV ada-lah lebeh banyak dan lebeh cherah.

Soal yang kedua, Tuan Pengerusi, pada masa ini ada dua *Remove Class* yang sedang di-langsungkan, ia-itu *Remove Melayu* dan *Remove Inggeris*. Jadi, saya tahu masaalah kesulitan

mengapa tidak ada, kalau ada pun, barangkali di-Pulau Pinang, Remove Melayu di-adakan, sedang yang paling banyak-nya ia-lah Remove Inggeris. Jadi, penuntut daripada sekolah Jenis Kebangsaan akan sendiri mengambil peluang menyambong pelajaran dalam Tingkatan IV dalam Remove Inggeris. Jadi, saya minta timbangan daripada Kementerian Pelajaran khas-nya daripada Yang Berhormat Menteri supaya masaalah ini boleh di-atasi yang Remove Melayu ini patut di-perbesar-kan, atau patut di-adakan, kalau sudah ada di-sasabuai negeri langkah-nya patut di-perkembangkan kepada lain negeri. Dengan jalan yang demikian, Tuan Pengerusi, Kerajaan memberi peluang kepada ra'ayat sendiri memilih aliran mana yang dia suka mengambil bahagian bagi menyambong pelajarannya. Jadi dengan langkah yang ada pada hari ini sa-akan² tersekat, sa-orang murid daripada sekolah Jenis Kebangsaan hendak menyambongkan dalam sekolah penghantar Melayu, oleh sebab Remove-nya tidak ada; jadi kelancharan perjalanan kita itu ada-lah tidak begitu lichin. Jadi, saya memohon pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri supaya keadaan ini dapat di-timbangkan dan kalau boleh, dan kalau sudah ada, gerakan ini di-lebarkan ka-lain² negeri.

Tuan Pengerusi, saya berbangkit pada masaalah bantuan kepada University Malaya pada tahun ini meningkat kepada \$20 juta, ia-itu dua juta ringgit lebeh tambahan-nya daripada tahun yang lepas. Sa-bagaimana yang kita tahu, Tuan Pengerusi, negeri kita ini sahaja-lah sa-buah negeri yang tidak mengenakan bayaran university bagi penuntut² yang masuk university. Kalau kita bandingkan di-negeri² yang lain, Tuan Pengerusi, di-England dan sa-bagai-nya, sa-orang penuntut yang berkehendakkan masuk ka-university, mereka terpaksa membayar kerusi membolehkan dia masuk dan mengambil academic dalam university. Jadi, sudah sampai masa-nya, Tuan Pengerusi, University Malaya ini sendiri

juga harus di-pertimbangkan kemasokan murid di-dalam university itu di-kenakan bayaran yang patut, agar permulaan, supaya tidak-lah sa-chara langkah yang ada pada hari ini, Tuan Pengerusi, Kerajaan menanggung \$20 juta dan angka ini akan naik lagi dari sa-tahun ka-satahun. Apa-lah salah-nya, Tuan Pengerusi, sa-bagai sa-orang penuntut yang bernasib baik dapat masuk university di-kenakan bayaran yang pertama, umpama-nya. Saya tahu, Tuan Pengerusi, penuntut² di-university akan menchemohkan ucapan saya. Tuan Pengerusi, keadaan penuntut di-university ini, kita sendiri pun berasa bimbang pada masa yang akhir ini, sunggoh pun kebebasan berpolitik, kebebasan kita menganuti sa-suatu fahaman, di-bebaskan di-negeri ini, tetapi kita rasa kadang², ada kechurigaan kita. Jadi begitu juga, kita tidak hendak menyentuh autonomy sa-sabuai university, mengizinkan maha-guru-nya mengambil bahagian chergas dalam politik, kadang² politik yang di-ambil itu boleh membelakangkan balek perasaan ra'ayat negeri ini. Jadi saya rasa, dua perkara ini akan dapat di-timbangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran atas kedudukan masaalah ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, saya kurang faham tentang bayaran yang hendak di-kenakan itu, bayaran tahun-kah atau masuk sa-kali gus-kah. Yang kedua, apa kaitan-nya pula dengan penuntut² university dengan politik itu, oleh kerana saya menjadi ahli dalam court itu, ini saya akan di-soal dalam perkara ini. Minta tolong beri penerangan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Hussin:

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Kerajaan menanggung membiayai university sa-bilang tahun naik bilangan-nya, daripada \$12 juta, pada tahun yang lepas \$17 juta lebeh, dan tahun ini \$20 juta. Mungkin tahun hadapan \$25 juta. Jadi, negeri² luar, Tuan Pengerusi, bila kita mendapat tempat

mem- Menteri Pelajaran kerana mereka itu
ngkan masok universiti ada-lah dengan
ormat tanggungan Kerajaan. Sa-tengah² dari-
ber- pada mereka itu mendapat biasiswa
ngena- daripada Negeri atau Federal. Ini-lah
mulaan maksud dan tujuan chakap saya.

atau
ra ini **Tuan Pengerusi:** Masa telah chukup.
Penge- Meshuarat bersidang sa-mula sa-bagai
dalam Majlis Meshuarat.

erkara *Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.*
yang

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Ahli² Yang Berhormat, Jawatan-kuasa
Rang Undang² Perbekalan Tahun 1969
oleh telah sampai pada Kepala B. 17 dalam
l dari Jadual Rang Undang² ini. Meshuarat
niver- ini di-tanggohkan hingga pukul 10.00
akhir², pagi esok.
ongan

g saya *Dewan di-tanggohkan pada pukul*
ormat 6.30 petang.